

31/05/1997

Malaysia pangkalan IT Asia-Pasifik: Anwar (HL)

Azhar Abu Samah

MARANG, Jumaat - Syarikat komputer terkemuka dunia kini menjadikan Malaysia sebagai pangkalan mereka di rantau Asia-Pasifik untuk mencipta program baru berhubung teknologi maklumat (IT) dengan menggunakan kepakaran anak tempatan.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan ramai tidak mengetahui bahawa Michael Dell yang mengetuai Dell Computer kini menjadikan negara ini sebagai pangkalan untuk rantau Asia-Pasifik. Mereka menggunakan kepakaran anak tempatan untuk membantunya membuat program baru.

Microsoft milik Bill Gates juga turut menggunakan syarikat tempatan untuk mengusahakan perisian komputernya bagi rantau Asia, katanya.

"Pengerusi Lotus, pengeluar komputer terbesar sudah memaklumkan kepada saya, syarikat tempatan milik ahli perniagaan Melayu bersama-sama profesional Cina juga bekerjasama menyediakan program untuk kegunaan di Australia dan Singapura," katanya pada majlis perasmian tapak pusat pertumbuhan baru Marang di Kawasan Perindustrian Undang, di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri serta isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail.

Anwar berkata Malaysia akan menjadikan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai salah satu program untuk melahirkan lebih ramai ahli profesional IT dan meletakkannya sebagai negara Islam yang dihormati.

Menurutnya, Malaysia perlu terus meningkatkan kemajuan dalam bidang IT jika mahu memastikan ia terus mencatatkan pertumbuhan pada masa akan datang.

"Bagaimana Malaysia mampu menjadi negara maju dan negara Islam yang dihormati kalau kita tidak dapat melahirkan lebih ramai tenaga profesional, perbankan, kejuruteraan, akademik dan teknologi maklumat," katanya.

Anwar menjelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah lama memikirkan soal MSC dan mahu meletakkan Malaysia sebagai pusat IT, sekali gus dapat memastikan negara ini memiliki pakar IT.

Sambil membidas pembangkang yang mendakwa industri IT tidak memberi manfaat kepada penduduk luar bandar seperti di Terengganu, beliau berkata, MSC adalah pusat IT untuk seluruh negara.

"MSC memberi ruang kepada kita untuk menyediakan program dan perisian sendiri dan ini dapat mengelakkan kita daripada masalah menerima idea yang merosakkan," katanya.

Sambil menegaskan semua pihak harus ambil sikap dan pendekatan yang bertanggungjawab, Malaysia dihormati bukan kerana mampu berbicara mengenai agama, tetapi menjadi model serta mampu mentadbir negara dengan baik dan menjamin pertumbuhan ekonomi yang memuaskan.

Anwar berkata, Malaysia tidak mahu menjadi seperti beberapa negara Islam yang cukup hebat bersyarah mengenai agama tetapi negaranya berperang, rakyat miskin yang cukup ramai dan tidak ada pembangunan.

"Setiap kali ada pilihan raya ratusan nyawa terkorban, setiap kali banjir terpaksa meminta sedekah daripada negara lain, termasuk negara bukan Islam. Apa makna pembangunan Islam seperti ini.

"Sebab itu di Malaysia kita mahu tetapkan ekonomi kuat supaya kita ada maruah. Kita boleh membina kekuatan ekonomi, membantu rakyat kita yang susah dan membantu rakyat negara lain yang memerlukan pembelaan," katanya.

(END)